

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

SOALAN

YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan maklumat secara terperinci mengenai Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan dan apakah kadar peningkatan ekonomi apabila pelan ini dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif yang sangat besar bukan sahaja kepada industri pelancongan tempatan, malah turut memberi kesan kepada industri pelancongan global.

2. Justeru, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan dalam usaha membantu industri pelancongan dan kebudayaan untuk bangkit semula. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kejayaan Malaysia dalam membendung penularan pandemik COVID-19 telah membolehkan sektor pelancongan domestik beroperasi semula bermula 10 Jun 2020 yang lalu. Ini sekaligus memberi nafas lega kepada rakyat di negara ini, terutamanya penggiat industri pelancongan untuk merencanakan semula aktiviti pelancongan yang terjejas teruk ketika tempoh pelaksanaan PKP dan PKPB yang lalu.

3. Bagi memastikan industri pelancongan kembali aktif, Kementerian telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan melalui strategi-strategi seperti:

- i. memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk kembali melancong melalui Kempen Malaysia Bersih dan Selamat;
- ii. merencanakan semula pelancongan domestik;
- iii. meneroka potensi ketibaan pelancong asing melalui pelancongan rentas sempadan atau *cross border tourism* seperti mengadakan gelembung perjalanan atau *travel bubble* dengan negara-negara jiran atau destinasi-destinasi zon hijau; dan

- iv. memberi keutamaan kepada segmen yang telah dibenarkan oleh Kerajaan seperti pelancongan kesihatan, taman tema dan MICE (*Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions*).
4. Pada peringkat permulaan, MOTAC telah melaksanakan lima (5) tindakan utama iaitu:-
- i. menggalakkan rakyat kembali melancong dalam menyemarakkan semula industri pelancongan domestik negara melalui tawaran-tawaran oleh penggiat industri pelancongan seperti perhotelan;
 - ii. menggerakkan semula produk-produk dan aktiviti-aktiviti di bawah sektor pelancongan untuk kembali menjana pendapatan dan menyumbang kepada ekonomi negara; dan
 - iii. membenarkan lawatan pengunjung ke semua premis dan fasiliti awam kebudayaan seperti muzium, galeri, arkib, pusat kraftangan, memorial, perpustakaan dan kompleks kebudayaan;
 - iv. membenarkan penganjuran program dan acara berbentuk kebudayaan dan kesenian berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) Acara Langsung bermula 1 Julai 2020; dan
 - v. menggalakkan komuniti pelancongan mengamalkan pembudayaan baru dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard yang telah ditetapkan sebagai norma baharu aktiviti pelancongan di Malaysia.
5. Seterusnya, bagi tempoh masa jangka panjang, Kementerian akan terus komited melaksanakan pelancongan lestari serta meningkatkan pendapatan pelancongan seiring dengan *Agenda Sustainable Development Goals 2030* oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertujuan untuk melindungi, memelihara dan memulihara alam sekitar, seni budaya dan warisan. Sekian, terima kasih.